



LATIHAN PENGUKUHAN TINGKATAN 1 (PSV)
SEJARAH PERKEMBANGAN SENI VISUAL DI MALAYSIA

1. Kenali tokoh seni terkemuka di Tanah Air

Padankan nama dan karya yang dihasilkan oleh tokoh berikut.

Abdullah Arif	Chuah Thean Teng	Redza Piyadasa	Ibrahim Hussein	Johari Said
				
 <i>Bumi Yang Bahagia-Luarhong Biji Malaysia, 1960, Cat air</i> Koleksi LPSVN	 <i>Mother and Child, 1991, Batik</i>	 <i>The Haji Family, 1990, Bahan campuran</i>	 <i>My Father and The Astronaut, 1969, Bahan campuran</i>	 <i>Katak Nak Judi Lembu II, 1999, Cetakan potongan kayu</i> Koleksi LPSVN

2. Seni halus terbahagi kepada 3. Isi kan tempat kosong dengan menggunakan **ejaan huruf kecil**



Rajah 1.1 Tokoh-tokoh seni halus tempatan


3. Berikut ialah tokoh-tokoh dalam bidang seni reka. Mari kenali mereka.

Merujuk kepada buku teks, tulis nama tokoh dibawah dengan menggunakan Huruf Besar Di Hadapan sahaja. Contoh : *Muhammad Ali*

Tokoh	Maklumat
	Tokoh reka bentuk teknologi: • Lahir pada tahun 1959 di Kelantan. • Mendapat pendidikan di Institut Kemahiran MARA Johor Bahru. • Peraka cipta peralatan berteknologi dalam pelbagai sektor. • Pernah menerima anugerah <i>Guinness Effort Award 1989</i> dan Anugerah Belia Selangor Darul Ehsan 1996.
	Tokoh seni reka grafik: • Lahir pada tahun 1938 di Johor. • Mendapat pendidikan di <i>Canterbury College of Art, England</i> dan <i>University Ohio, USA</i>. • Memenangi pertandingan mencipta logo Hari Kebangsaan, iaitu pada tahun 1980, 1981, 1983, 1984, 1985, 1986, 1987 dan 1991. • Dikenali sebagai 'Bapa Logo Hari Kebangsaan'.
	Tokoh reka bentuk fesyen: • Lahir pada tahun 1961 di Pulau Pinang. • Mendapat pendidikan di <i>London College of Fashion</i>. • Menerima anugerah gelaran 'Profesor' dari <i>University of the Arts, London</i> atas sumbangannya dalam bidang fesyen. • Mendapat anugerah <i>Order of the British Empire (Knighthood)</i> daripada Queen Elizabeth II, England pada tahun 2002.
	Tokoh seni reka animasi: • Lahir pada tahun 1945 di Kedah. • Mendapat pendidikan sehingga SPM tetapi meminati bidang animasi. • Pengerusi Persatuan Animasi Malaysia. • Dianugerahkan 'Anugerah Sri Angkasa' bagi kategori 'Idea Terbaik' dan 'Treler Terbaik' untuk animasi pendek, iaitu 'Sang Kancil dan Buaya' dan 'Sang Kancil dan Monyet'.
	Tokoh komunikasi visual: • Lahir pada tahun 1950 di Pahang. • Mendapat Ijazah Kedoktoran dari <i>Manchester Metropolitan University, England</i>. • Profesor di <i>UCSI University, Malaysia</i>. • Pengerusi Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM), Ahli Majlis Profesor Negara dan pakar seni grafik dalam kluster industri dan inovasi. • Tokoh yang mempelopori kepimpinan reka bentuk.
	Tokoh reka bentuk teknologi kreatif: • Lahir pada tahun 1946 di Kuala Lumpur. • Pelopor dan juga presiden <i>Limkokwing University of Creative Technology</i>. • Menerima banyak penghargaan seperti anugerah <i>Father of Innovation in Africa</i> dalam <i>The Bizz Awards 2014</i> di Texas, USA.

4. Berikut adalah dua pertubuhan yang membantu dalam perkembangan seni reka Negara.

Kedua-dua pertubuhan ini mempunyai peranan yang tersendiri. Isi kan ruang kosong dengan merujuk buku teks.



~SOALAN TAMAT~

SELAMAT MENJAWAB. MOGA BERMANFAAT